

05 APRIL 2018

Biar polis siasat kes penahanan Rizalman: TPM

Biar polis siasat kes penahanan Rizalman: TPM

Kuala Lumpur: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, polis akan melakukan siasatan berhubung penahanan Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar, yang dikaitkan dengan penyalahgunaan dadah, kelmarin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, siasatan terperinci itu dilakukan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik.

"Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik akan melakukan siasatan, biar polis siasat," katanya ringkas ketika ditanya sama ada kes itu adalah tindakan sabotaj pihak tertentu.

Beliau ditemui selepas مراسم Persidangan Halal Sedunia 2018 Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Media Isnin lalu melaporkan Rizalman ditahan di sebuah kelab malam, di Jalan Imbi, di sini dalam serbuan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya.

Hasil siasatan awal polis mendapati beliau dan beberapa lagi rakannya positif dadah.

Mengulas isu sama, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata mana-mana ahli politik yang melanggar peraturan serta undang-undang parti tidak akan terlepas daripada hukuman jika terbukti bersalah.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan bagaimanapun berkata, Rizalman perlu diberi ruang untuk membela diri sebelum sebarang

tindakan diputuskan oleh parti.

"Buat masa ini, kita berikan dia ruang untuk membela diri dan polis untuk melengkapkan siasatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang (PPT) 2018 di Auditorium Wisma Pertahanan, Mindef, semalam.

Nafi ambil dadah

Sementara itu, Rizalman pada sidang media khas, menegaskan tidak pernah terbabit dalam sebarang pengambilan dadah dan akan menggunakan saluran perundangan untuk mempertahankan diri serta membersihkan namanya, ke-

luarga, UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Beliau mendakwa disabotaj dan berasakan kejadian itu adalah usaha agenda politik pihak yang ingin menjatuhkannya.

"Siapa mereka saya tak pasti, tapi cara operasi itu dilakukan sangat spesifik kerana mereka (pihak berkuasa) terus ke bilik saya dan dalam masa yang singkat, saya terus dibawa ke IPD (Ibu Pejabat Polis Daerah) Dang Wangi.

"Mereka tak pergi mana-mana (bilik karaoke lain) kecuali bilik saya dan sebab saya ditahan dikatakan positif dadah. Saya minum kopi, rakan-rakan pun ambil minuman ringan dan tak ada langsung dadah atau minuman keras.

"Sebab itu, saya pelik macam

mana laporan saringan awal saya positif dadah dan saya syak, saya diperangkap," katanya di Pejabat UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, di sini.

Ditanya apakah insiden itu akan menjejaskan namanya untuk menjadi calon parti, beliau berkata, ia terserah kepada pucuk pimpinan parti untuk menentukannya dan beliau menerima apa sahaja keputusan dengan hati yang terbuka.

Beliau juga menegaskan tidak akan meletakkan jawatan kerana belum dikenakan sebarang pertuduhan.

"Saya masih berminat kerana dah kerja selama 14 tahun. Janganlah kerana satu isu kecil, sumbangan jasa saya selama 14 tahun secara konsisten dilupakan," katanya.